Struktur *Kata Kerja Transitif* + *Lagi* Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Fazal Mohamed Mohamed Sultan
Junaini Kasdan
Zaharani Ahmad
Nor Hashimah Jalaluddin

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Penulisan pelajar banyak dipengaruhi oleh bahasa pertuturan yang telah membentuk nahu yang dikenali sebagai nahu deskriptif. Nahu ini mempunyai beberapa perbezaan daripada nahu di sekolah yang dikenali sebagai nahu preskriptif. Salah satu perbezaan yang nyata ialah penggunaan kata kerja transitif diikuti oleh *lagi*. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membahas dan menganalisis struktur sintaksis urutan kata kerja transitif dan *lagi* yang dianggap salah dalam nahu preskriptif. Data untuk menganalisis urutan ini didapati daripada 1558 pelajar tingkatan 4 iaitu dua buah sekolah di Semenanjung Malaysia iaitu di Kedah, Kelantan dan dua buah sekolah yang lain di Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Analisis sintaksis ke atas urutan ini telah membuktikan bahawa kehadiran *lagi* antara kata kerja dan objek di terima kerana perkataan itu adalah ajung. Ini membuktikan bahawa kehadirannya di antara kata kerja dan kata nama dibenarkan kerana kehadiran ajung tidak menghalang urutan di antara kata kerja transitif dengan objeknya iaitu kata nama. Analisis ini telah menyokong nahu deskriptif dan juga nahu preskriptif sekali gus.

Transitive Verb Structure + *LAGI* Among The Secondary Students

Abstract

Student writing is greatly influenced by the speech that had formed a grammar known as descriptive grammar. This grammar has few differences from the grammar taught at school, known as prescriptive grammar. One noticeable difference is the occurrence of a transitive verb followed by *lagi*. Therefore, this paper will discuss and analyze the sequence of a syntactic structure of a transitive followed by *lagi* that is marked as ungrammatical by prescriptive grammar. The data to analyze this sequence were obtained from 1558 students in Form 4 from two schools in Peninsular Malaysia: Kedah and Kelantan and the other two schools in East Malaysia: Sabah and Sarawak. Syntactic

analysis of these sequences has shown that the presence of the verb and *lagi* is acceptable because *lagi* is considered as an adjunct. This prove that the existence of *lagi* in the adjunct position between the verbs and nouns because adjunct does not block the sequence of a transitive verb with its object which is known as a noun. This analysis supports the descriptive grammar and prescriptive grammar at the same time.

Pengenalan

Bahasa Melayu berjaya menjadi bahasa komunikasi, bahasa perantara dan bahasa pergaulan antara kaum (Jeniri Amir, 2009:1). Bahasa ini juga digunakan secara formal dalam pendidikan. Maka bahasa ini telah menjadi bahasa ilmu. Justeru, bahasa Melayu telah dikodkan mengikut suatu standard yang dipersetujui oleh beberapa pakar bahasa. Bahasa yang distandardkan ini membentuk satu nahu standard yang dipanggil sebagai nahu preskriptif. Nahu preskriptif yang dimaksudkan ialah Tatabahasa Dewan (1995). Pembentukan ini adalah berpandukan rumus yang tertentu tanpa mengambil kira dialek dan pertuturan seharian di rumah. Pelajar yang membawa dialek Utara, Selatan, Timur dan sebagainya pasti akan merasa perbezaan yang wujud dalam nahu standard. Namun demikian, penguasaan nahu standard ini akan memastikan kejayaan pelajar itu dalam peperiksaan bahasa Melayu. Penulisan yang cemerlang ialah penulisan yang gramatis mengikut lunas-lunas dan rumus yang telah digariskan oleh Tatabahasa Dewan.

Namun demikian, pelajar ini tidak semestinya terlepas daripada melakukan kesilapan. Apabila pelajar ini melanggar mana-mana rumus yang telah ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan maka ayat pelajar itu dianggap salah. Pada halnya, kesilapan pelajar ini kebanyakannya adalah disebabkan oleh nahu yang telah dibentuk oleh pelajar berkenaan dalam nahu deskriptifnya. Malahan, pelajar ini sudah membentuk nahu deskriptif yang mempunyai rumus yang berbeza daripada nahu preskriptif dalam minda mengikut dialek masing-masing. Pelajar yang telah membentuk nahu deskriptif di dalam alam minda itu perlu belajar semula nahu preskriptif di sekolah. Ini menjelaskan bahawa pelajar Melayu, India dan Cina tidak akan terlepas daripada melakukan kesilapan kerana nahu deskriptif yang telah terbentuk akan menjadi gangguan kepada mereka. Namun demikian, cikgu perlu mengajar nahu preskriptif kepada semua pelajar berpandukan Tatabahasa Dewan walaupun ada perbezaan yang ketara berbanding dengan dialek yang digunakan di kawasan tertentu. Dalam pembelajaran itu, pastinya pelajar akan keliru dan membuat kesalahan yang kecil mahupun yang besar sehingga sesuatu ayat itu menjadi tidak gramatis. Malah ada pelajar di sekolah yang masih menghadapi masalah untuk bertutur dan menulis dengan baik.(Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2003; Ramli Md. Salleh et al., 1999; Zulkifley Hamid, et.al., 1999).

Adalah penting untuk kita menganalisis dan mengkaji kesilapan yang

dilakukan oleh pelajar ini untuk membantu guru-guru mengajar dan menjadi panduan kepada pelajar. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan memberikan perhatian terhadap kesilapan pelajar ketika menggunakan kata kerja transitif bersama *lagi* dalam struktur ayat bahasa Melayu. Analisis ini menggabungjalinkan kesemua bangsa di Malaysia iaitu dua di Semenanjung Malaysia iaitu di Kedah, Kelantan dan dua di Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Keempat-empat negeri ini diwakili oleh 3 buah sekolah di setiap negeri. Sekolah itu pula dikategorikan mengikut kedudukannya di bandar dan luar bandar. Kesemua pelajar ini diberikan ujian karangan berpandukan gambar yang berkisar tentang masa lapang. Pelajar diberikan masa selama 45 minit untuk menulis karangan tersebut. Sejumlah 1558 pelajar tingkatan 4 telah berjaya menghasilkan karangan.

Kaedah Analisis

Karangan yang telah siap ditulis telah disemak satu persatu. Semakan ini bertujuan untuk mencari kesalahan pelajar dari segi struktur ayat. Pelbagai kesilapan telah dilakukan oleh 1558 pelajar. Kesalahan ini telah dikumpulkan dan di bahagikan kepada 11 bahagian. Kesilapan yang dilakukan dalam 11 bahagian ini diukur dengan melihat kekerapan kesalahan mereka. Kesemua kesilapan dari segi kekerapan digambarkan dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kekerapan Kesalahan Struktur Ayat Bahasa Melayu

Kesalahan Struktur Ayat	Kekerapan	Peratus
Makna kata	1,716	19.9
Pemilihan kata/diksi	992	11.5
Penanda jamak/Kata ganda	956	11.1
Kata penegas	808	9.3
Kata sendi	804	9.3
Ayat tidak gramatis	628	7.3
Kata pemeri	468	5.3
Ganti nama	468	5.3
Kata tunjuk	432	5.0
Imbuhan/morfologi	224	2.5
Lain-lain	1,092	13.5
JUMLAH	**8,589**	**100**

Kekerapan kesalahan pelajar telah menjangkau melebihi 8,000 kali. Walaupun kekerapan pelajar ini agak besar namun, kami tertarik untuk menjelaskan dan menganalisis kekerapan kesilapan yang paling besar iaitu kesilapan menggunakan makna kata yang melibatkan perkataan *lagi*. Penggunaan perkataan *lagi*, yang menggambarkan kehadiran di posisi yang sentiasa salah.

Untuk membincangkan kesalahan penggunaan *lagi* kita akan lihat dahulu pentakrifan perkataan *lagi*. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) kata "lagi" mempunyai 6 makna iaitu (1) tambahan kepada yang sedia ada, (2) masih (berpanjangan), (3) dan, serta, tambahan pula, (4) semula, (5)

lebih, (6) kata yang digunakan untuk menguatkan atau mengeraskan kata-kata sebelumnya. Namun begitu, Tatabahasa Dewan (2006: 248) hanya menjelaskan satu cara sahaja di dalam ayat berpandukan kepada makna keenam dalam takrifan Kamus Dewan iaitu sebagai penggunan kata penegas. Ini menjadikan kata *lagi* setara dengan kata "*pun*", "*juga*", "*sahaja*", "*jua*" dan "*memang*".

Pada asasnya pelajar mampu menggunakan kata tersebut pada tempat yang sesuai dengan makna yang diberikan oleh Kamus Dewan dan menepati aturan nahu pegangan. Namun, beberapa contoh ayat yang berikut dianggap salah kerana bertentangan dengan nahu pegangan. Data dalam jadual 1 merangkumi penggunaan *lagi* dengan *lain-lain, macam-macam* dan *lebih-lebih*; dengan penggunaan bersama kata kerja transitif (*memper...kan* dan *meN...kan*) dan selepas dan sebelum kata adjektif. Namun begitu, kata kerja ini akan membincangkan dan menganalisis kehadiran *lagi* bersama kata kerja transitif sahaja.

Analisis kesalahan "memper...kan + lagi"

Kesemua pelajar berjaya menghasilkan karangan yang diperlukan untuk tujuan kajian ini. Hasil daripada analisis ke atas tatabahasa penulisan, kami mendapati pelajar berkenaan telah melakukan pelbagai kesalahan. Namun kesalahan yang paling menarik ialah kehadiran *lagi* yang mengikuti kata kerja transitif. Mengikut Tatabahasa Dewan, kata kerja transitif wajib diikuti oleh kata nama tanpa kehadiran apa-apa perkataan di antaranya. Namun demikian, pelajar tetap menulis ayat berkenaan yang menyebabkan ayat mereka salah seperti dalam (1) dan (2):

1. *Mereka boleh melakukan aktiviti seperti ini untuk **mempertingkatkan lagi** kecergasan diri dan kecerdasan minda.
2. *Aktiviti ini amat baik dilakukan terutamanya dalam sesebuah keluarga untuk **mengerat**
dan **memperkukuhkan lagi** institusi kekeluargaan.

Berdasarkan contoh ayat tersebut, kesalahan pelajar adalah terletak pada penggunaan imbuhan *memper...kan* yang diikuti dengan kata "lagi". Menurut Tatabahasa Dewan (2006), imbuhan *memper...kan* yang membentuk kata kerja membawa maksud tambahan kepada yang sedia ada. Penggunaan imbuhan *memper...kan* ini pula hendaklah mematuhi peraturan bahawa ia harus diikuti dengan kata nama. Oleh itu, kehadiran kata "lagi" selepas kata kerja terbitan tersebut dianggap melanggar peraturan nahu pegangan. Kehadiran kata "lagi" juga dianggap lewah, sekali gus dianggap tidak gramatis seperti dalam contoh ayat (3) dan (4):

3. * "*Mereka boleh melakukan **aktiviti** seperti ini untuk **mempertingkatkan lagi** kecergasan diri dan kecerdasan minda*", representasi keseluruhan ayat yang dianggap betul

seharusnya berbunyi "*Mereka boleh melakukan aktiviti seperti ini untuk* ***mempertingkat*** *kecergasan diri dan kecerdasan minda*".

4. * "*Aktiviti ini amat baik dilakukan terutamanya dalam sesebuah keluarga untuk* ***mengerat*** *dan* ***memperkukuhkan lagi*** *institusi kekeluargaan*" pula dianggap betul apabila direpresentasikan sebagai "*Aktiviti ini amat baik dilakukan,terutamanya dalam sesebuah keluarga untuk* ***mengeratkan*** *dan* ***memperkukuh*** *institusi kekeluargaan*".\

Sesetengah penahu Melayu mendakwa bahawa kata terbitan yang dihasilkan melalui pengimbuhan *memper...kan* dengan kata adjektif dianggap tidak gramatis kerana menyalahi peraturan nahu bahasa Melayu (Zaharani 2008). Dalam hal ini, Asmah (1982), Abdullah (1974) dan Arbak (1981), memerikan imbuhan *memper...kan* sebagai imbuhan yang boleh bergabung dengan kata adjektif untuk membentuk kata kerja terbitan. Sebaliknya, Tatabahasa Dewan (2006) yang menjadi pegangan guru dan pelajar sekolah menyebutkan bahawa imbuhan *memper...kan* tidak boleh bergabung dengan kata adjektif kerana dianggap lewah. Nik Safiah (1978) berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang lewah dianggap tidak menepati peraturan nahu bahasa Melayu.

Berdasarkan keseluruhan kesalahan struktur ayat yang dilakukan pelajar, hanya dua kesalahan penggunaan imbuhan *memper...kan* dicatatkan seperti dalam (1) dan (2). Melalui peniruan sekat lakuan, sebenarnya pelajar sudah dapat menerima hakikat bahawa model yang ditiru hanya boleh dimanfaatkan pada situasi yang tertentu sahaja. Jadi, tidak hairanlah jika imbuhan *memper...kan* jarang digunakan dalam karangan pelajar. Intuisi mereka turut memberikan arahan bahawa penggunaan imbuhan tersebut akan menyebabkan pemotongan markah. Peneguhan kognisi secara negatif ini mendorong pelajar agar selalu berhati-hati untuk tidak menggunakan imbuhan *memper...kan* pada kata adjektif. Walau bagaimanapun, data korpus bahasa Melayu menunjukkan bahawa penggunaan bentuk kata kerja terbitan *memper...kan* dengan kata adjektif begitu banyak dan meluas. Kajian yang dilakukan oleh Zaharani (2008) menunjukkan bahawa senarai kata kerja terbitan yang dihasilkan melalui pengimbuhan *memper...kan* dengan kata adjektif adalah berjumlah 283 perkataan.

Kata "lagi" yang mengikuti imbuhan *memper...kan* dengan kata adjektif pula dianggap sebagai menyalahi peraturan nahu pegangan kerana menimbulkan kelewahan bahasa. Walau bagaimanapun, penulis mendapati bahawa pelajar bukan melakukan kesalahan tersebut tanpa sebarang pertimbangan. Berdasarkan pengamatan melalui pembacaan, mereka menemukan bentuk tersebut berulang kali secara tekal, dan peristiwa kebahasaan yang mereka saksikan ini merupakan model pembelajaran tidak langsung.

Baik imbuhan *memper...kan* dengan kata adjektif, mahupun kata "lagi" yang mengikutinya, yang digunakan oleh pelajar tidak seharusnya dianggap sebagai kesalahan. Bentuk tersebut wujud dalam pola nahu praktis bahasa Melayu dan dituturkan oleh sebilangan besar penutur bahasa Melayu dengan membawa maksud tersendiri. Dalam hal ini, kehadiran kata "lagi" adalah sebagai penegas kepada kata kerja terbitan, dan tidak boleh dianggap sebagai lewah. Malah data korpus bahasa Melayu (5) menyokong penggunaan imbuhan *memper...kan* dengan kata adjektif yang diikuti dengan kata "lagi":

(5)

3809 dan merancang **memperbanyakkan lagi** sekolah pendidikan khas untuk
19901 ngetatkan dan **memperbanyakkan lagi** sesi lawatan dan pemantauan b
30463 terfikir untuk **memperbesarkan lagi** cabang perniagaan dan memperl
10980 or utama untuk **mempercepatkan lagi** impak pelestarian alam sekita
22754 industri ini, **mempercepatkan lagi** integrasi biodiesel dalam enj
33297 a bersama bagi **mempercepatkan lagi** pelaksanaan pelbagai program
3222 "FTA itu akan **mempercepatkan lagi** pengembangan perdagangan dua
3442 jasama ke arah **mempercepatkan lagi** penyelesaian rundingan itu da
12695 bagaimana untuk **memperelokkan lagi** lakonan kami. "Saya pula, t
11377 at handai untuk **mempereratkan lagi** hubungan sesama kita. Musim p
8560 a Selatan untuk **mempereratkan lagi** jalinan perhubungan dengan ne
666 a konkrit untuk **mempereratkan lagi** kemesraan dan kasih sayang se
6180 ilakukan dengan **mempergiatkan lagi** aktiviti saintifik menerusi p
20662 sebagai peluang **mempergiatkan lagi** siri promosi album dan pada m
23763 mi negara serta **mempergiatkan lagi** sumber penjanaan pertumbuhan
34237 ai bidang bagi **memperhebatkan lagi** aktiviti promosi dan pengikla
12164 ua-dua negara **memperhebatkan lagi** jalinan ekonomi dan pelaburan
12196 Jiwa kehambaan **memperjelaskan lagi** hubungan dirinya dengan Allah
32886 ga meminta JPA **memperjelaskan lagi** kelonggaran untuk setiap jaba
17320 kami akan cuba **memperjelaskan lagi** konsep ini supaya penonton ti

Berdasarkan janaan tersebut, didapati penggunaan imbuhan *memper...kan* dengan kata adjektif yang diikuti dengan kata "lagi" lebih tinggi berbanding dengan penggunaan imbuhan *memper...kan* dengan kata adjektif sahaja. Hakikatnya, data korpus menunjukkan bahawa kelewahan yang dilakukan pelajar adalah ciri bahasa Melayu itu sendiri dan mungkin merupakan sebahagian daripada aspek nahunya.

Analisis kesalahan 3 – "meN...kan + lagi"

Mengikut Tatabahasa Dewan ayat (6) hingga (15) adalah dianggap salah kerana melanggari rumus yang telah ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan. Mengikut Tatabahasa Dewan kata kerja transitif tidak boleh diikuti oleh apa-apa golongan kata kecuali kata nama. Sebaliknya kata kerja transitif dalam ayat (6) hingga (15) telah diikuti oleh perkataan *lagi* sebelum kata nama. Ini menyebabkan guru yang memeriksa ayat berkenaan menandakannya tidak gramatis.

6. *Di samping **mengeratkan lagi** hubungan antara sesama keluarga.
7. *Hal ini dapat **mengeratkan lagi** hubungan antara kaum, malah dapat menyihatkan kesihatan tubuh.
8. *Ini dapat **mengukuhkan lagi** hubungan kekeluargaan.
9. *Membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan **menguatkan lagi** kemahiran bahasa kita.
10. *Aktiviti sebegini juga dapat **mengeratkan lagi** hubungan kekeluargaan dan hubungan silarurahim.
11. *Melalui membaca, kita dapat menambah ilmu dan **meluaskan lagi** pengetahuan kita.
12. *Aktiviti ini dapat **mengeratkan lagi** hubungan kekeluargaan didalam sesebuah keluarga.
13. *Aktiviti ini juga dapat **mengeratkan lagi** hubungan sesama rakan-rakan.
14. *Kita bukan sahaja dapat menyihatkan tubuh badan, malah dapat **mengeratkan lagi** hubungan kekeluargaan kita.
15. *Kita juga dapat **mengeratkan lagi** hubungan kekeluargaan antara sesama ahli keluarga.

Menurut Asmah (1982), pengimbuhan *meN...kan* kepada kata adjektif menghasilkan kata kerja transitif yang mendukung makna "menyebabkan". Tatabahasa Dewan (2006) pula memerikan bahawa selepas kata kerja transitif hendaklah diikuti dengan objek tanpa ada leksikal lain yang menyisip di antara kedua-duanya. Oleh itu, berdasarkan contoh struktur ayat yang dikemukakan, yang dianggap salah ialah penggunaan imbuhan *meN...kan* yang membentuk kata kerja transitif dan diikuti dengan kata "lagi". Sesuai dengan prinsip nahu pegangan, kata "lagi" seharusnya tidak boleh berada di antara kata kerja transitif dengan objek. Walau bagaimanapun, penjanaan data korpus yang berkaitan memaparkan pola kehadiran kata "lagi" sejurus selepas kata kerja transitif walaupun ia dianggap bertentangan dengan nahu pegangan seperti dalam (16).

(16)
20529 beri bantuan bagi **memantapkan lagi** penguasaan amali mereka sama

999 an membantu calon **memantapkan lagi** penguasaan kemahiran dipelaja
29185 guru, malah mampu **memantapkan lagi** pengurusan sedia ada. Kongr
24505 i program ke arah **memantapkan lagi** pengurusan serta sumber kewan
15341 dana Menteri akan **memantapkan lagi** pentadbiran kerajaan" Datuk
14726 ai terutama dalam **mengeratkan lagi** hubungan antara kerajaan deng
22249 i satu alat untuk **mengeratkan lagi** hubungan antara mahasiswa den
30200 ini diharap mampu **mengeratkan lagi** hubungan antara pelajar dan g
13208 an proses ke arah **mengeratkan lagi** hubungan antara penduduk. F
30300 ng sama, ia boleh **mengeratkan lagi** hubungan antara polis dan mas
13187 mi lebih baik dan **mengeratkan lagi** hubungan antara rakyat dan ra
34331 pertandingan bagi **mengeratkan lagi** hubungan Berita Minggu dengan
1305 Selain itu, ia **mengeratkan lagi** hubungan persaudaraan (silatu
16390 kan di rumah bagi **mengeratkan lagi** hubungan seisi keluarga, bawa
12266 ang ramai itu juga **menguatkan lagi** alasan Jabatan Imigresen untu
2622 mereka sudah pasti **menguatkan lagi** azam pasukan untuk memenangi
8482 terbongkar dan ini **menguatkan lagi** bukti mereka ini sudah terses
24939 Times Square bagi **menguatkan lagi** dakwaan bahawa Melayu bandar
4416 diubah suai dengan **meluaskan lagi** fungsinya dan menaik taraf ag
22154 ada jika berhasrat **meluaskan lagi** jaringan pasaran selain membe
16845 i kini dalam proses **meluaskan lagi** kawasan liputan perkhidmatan
7227 itu, Shafi berazam **meluaskan lagi** kerjasama perdagangan seterus
10874 "Kerajaan juga akan **meluaskan lagi** konsep harga patut dan menyeb
4995 Malaysia yang mahu **meluaskan lagi** pasaran eksportnya. Justeru

Berdasarkan contoh janaan data korpus bahasa Melayu, kami mendapati bahawa penggunaan kata "lagi" selepas kata kerja transitif adalah sangat produktif dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Hasil janaan data korpus memperlihatkan bahawa kehadiran kata "lagi" selepas kata kerja transitif bertujuan untuk memberikan penjelasan atau penerangan, iaitu tambahan kepada sesuatu yang telah sedia ada. Dalam hal ini rumus (17) disimpulkan seperti berikut:

(17) *meN...kan* + lagi (sebagai kata keterangan) + objek (abstrak)

Menurut Tatabahasa Dewan (2006), kata keterangan merupakan bentuk kata yang berfungsi menerangkan kata kerja dalam predikat. Hal ini bermakna kata keterangan wajar hadir selepas kata keterangan untuk melaksanakan fungsinya sebagai penerang kata kerja. Namun, Tatabahasa Dewan yang menjadi nahu pegangan pelajar dan guru sekolah menetapkan bahawa setiap kata kerja transitif wajib diikuti oleh objek. Justeru, apabila kata "lagi" hadir sejurus selepas kata kerja transitif, ia dianggap tidak gramatis, sekali gus dianggap menyalahi peraturan yang ditetapkan.

Analisis Sintaksis

Selanjutnya, bagi menjelaskan perbezaan makna yang didukung oleh kata kerja transitif *meN...kan* yang diikuti dengan kata "lagi", contoh ayat (13) daripada karangan pelajar dirujuk:

(13) Aktiviti ini juga dapat **mengeratkan lagi** hubungan sesama rakan-rakan.

Sekiranya, ayat tersebut diubah menjadi (18):

(18) Aktiviti ini juga dapat **mengeratkan** hubungan sesama rakan-rakan.

Ayat (18) akan memberikan implikasi bahawa sebelum aktiviti dijalankan, hubungan persahabatan dalam kalangan rakan sebaya tidak begitu erat atau bahkan tidak erat. Hanya setelah aktiviti diadakan, baharulah hubungan tersebut menjadi erat. Namun, kehadiran kata "lagi" yang menyisip di antara kata kerja transitif dan objek dalam ayat (13) yang digunakan pelajar memberikan gambaran bahawa hubungan yang sudah sedia erat menjadi bertambah erat dengan adanya aktiviti tersebut yang dijalankan. Ini membuktikan bahawa kehadirannya memberikan maklumat tambahan. Dalam analisis sintaksis, apa-apa bahan yang hadir untuk memberikan maklumat tambahan dikenali sebagai adjung. Oleh yang demikian, kata *lagi* yang telah membukti kehadirannya adalah untuk memberikan maklumat tambahan maka *lagi* dikenali sebagai adjung.


Pada hemat penulis, analisis yang diberikan dalam Tatabahasa Dewan amat terhad dan terbatas. Hal ini kerana buku nahu pegangan hanya berpegang kepada prinsip perskriptif atau konsep betul-salah. Konsep ini membawa maksud bahawa hanya unsur-unsur yang telah ditetapkan sebagai tepat sahaja akan dikira sebagai betul. Sifatnya yang rigid ini menyebabkan penggunaan menjadi semakin terhad. Akibatnya para pelajar akan disalahkan jika melanggar peraturan atau prinsip yang telah ditetapkan itu. Jika demikian halnya, keadaan ini tentunya akan selalu menimbulkan kekeliruan kepada pelajar iaitu bentuk manakah yang harus diikuti. Pada satu sudut, Tatabahasa Dewan (1995) yang menjadi pegangan tidak memberikan penjelasan secara rinci, khususnya tentang penggunaan kata "lagi" dan pada sudut yang lain pelajar didedahkan dengan bentuk-bentuk yang sama menerusi model teks. Penulis percaya, guru juga menghadapi kekeliruan yang sama dan tidak menjelaskan kepada pelajar tentang tatacara penggunaan kata "lagi" kerana kurangnya rujukan yang jelas dan terperinci.

Dari segi sintaksis, Tatabahasa Dewan pula betul dengan mengatakan bahawa kata kerja tidak boleh dipisahkan daripada kata nama. Namun demikian, data korpus (16) menunjukkan bahawa kehadiran *lagi* di antara kedua-duanya adalah diterima. Sebenarnya analisis sintaksis dapat menyelesaikan masalah ini kerana kehadiran kata *lagi* adalah untuk mengubah makna seperti ayat (13) yang telah dibincangkan di atas.

Sekiranya, wujud sesuatu ayat yang memerikan maklumat tambahan kepada ayat tersebut maka perkataan ini dikenali sebagai adjung. Posisi adjung pula diandaikan tidak menganggu pemberian teta atau kasus seperti yang telah dibincangkan oleh Chomsky (1982).


Andaian ini hanya boleh dibuktikan melalui penggunaan rajah pohon. Pemberian peranan teta dan penandaan kasus bergantung kepada penguasaan. Penguasaan hanya terganggu sekiranya wujud apa-apa konstituen yang boleh menghalang penguasaan tersebut dalam rajah pohon. Sebaliknya, kehadiran kata *lagi* sebagai adjung tidak menganggu kerana struktur sintaksisnya adalah seperti (19):

(19)



Mengikut analisis Minimalis, akan berlaku pergabungan yang memerlukan pergerakan untuk menyemak fitur yang berkenaan. Pergerakan itu boleh digambarkan di bawah untuk menunjukkan bahawa pergerakan (19) boleh diaplikasikan oleh pelajar untuk menghasilkan frasa *mengeratkan lagi hubungan sesama manusia* seperti dalam (20):

(20)




Kata kerja *mengeratkan* ialah kata kerja transitif. Kata kerja ini akan memilih satu argumen untuk hadir bersebelahan sebagai objeknya untuk memenuhi kriteria teta. Dalam rajah pohon (20), KK *mengeratkan* memilih FN *hubungan dengan sesama kawan* sebagai argumen untuk kata kerja tersebut. Malah kata kerja transitif *mengeratkan* pula akan bergerak ke posisi *k* untuk menandakan kasus kepada posisi subjek dan objeknya melalui penguasaan. Pergerakannya tidak terhalang untuk menandakan apa-apa kasus. Malah perkataan *lagi* dapat hadir untuk menghasilkan ayat (13) yang ditulis sebagai ayat (21):

(21) Aktiviti ini juga dapat mengeratkan **lagi** hubungan sesama rakan-rakan.

Justeru, kehadiran *lagi* tidak dianggap sebagai penghalang kerana *lagi* menduduki posisi adjung yang tidak menghalang penandaan kasus kepada objeknya. Keadaan ini jelas dalam rajah pohon (20). Namun begitu satu fenomena yang menraik ialah sekiranya *lagi* dianggap sebagai adjung maka ayat (22) sepatutnya wujud.

(22) Aktiviti ini juga dapat mengeratkan hubungan sesama rakan-rakan **lagi**.

Ayat (22) sememangnya wujud dalam korpus bahasa Melayu. Kehadirannya bukanlah sesuatu yang pelik kerana keadaannya dapat dibuktikan dalam rajah pohon. Ayat (22) akan ditandakan seperti dalam (23):
(23)



Jika diperhatikan rajah pohon (20) dan (23), perbezaan yang wujud hanya kedudukan *lagi* di sebelah kanan atau kiri sahaja. Kehadirannya di kedua-dua belah itu tidak membawa masalah terhadap kegramatisan ayat tersebut. Ini adalah kerana kehadirannya tidak mengganggu penandaan teta ataupun penandaan kasus terhadap kata nama oleh kata kerja tersebut.

Walau bagaimanapun, tiada pelajar ataupun korpus bahasa Melayu yang mempunyai ayat (24):

(24) *Aktiviti ini juga dapat mengeratkan hubungan **lagi** sesama rakan-rakan.

Ayat (24) tidak gramatis kerana kewujudan *lagi* dalam FN tidak dibenarkan. Ini adalah satu fenomena yang difahami oleh semua orang. Maka tiada terdapat ayat sedemikian. Secara sintaksis ayat (24) membuktikan bahawa *lagi* adalah konstituen yang berdikari. Konstituen ini tidak boleh hadir di dalam mana-mana frasa yang lain. Maka perbahasan di atas yang menyatakan bahawa *lagi* adalah ajung adalah amat bertepatan. Oleh yang demikian ayat pertama di atas itu dapat diterima tanpa apa-apa masalah.

Kesimpulan

Kehadiran data dalam korpus bahasa Melayu adalah kalanya memberikan gambaran bahawa Tatabahasa Dewan terlalu rigid dalam menghasilkan ayat-ayat yang gramatis. Sebaliknya penulisan pelajar kebanyakannya menyokong penemuan-penemuan di dalam data korpus bahasa Melayu. Ini pastinya mengundang kekeliruan kepada pelajar dan tenaga pengajar. Oleh yang demikian, artikel ini telah melihat penggunaan *lagi* yang dianggap tidak gramatis sekiranya hadir di antara kata kerja dan objeknya. Tatabahasa Dewan tidak membenarkan apa-apa perkataan menghalang urutan di antara kata kerja transitif dan objeknya yang terdiri daripada kata nama. Namun begitu, analisis sintaksis telah membuktikan bahawa kehadiran sesuatu kata di antara kata kerja dan objek di terima sekiranya perkataan itu dianggap sebagai ajung. Malah analisis ini dapat membuktikan hujah ini dengan menggunakan rajah pohon yang telah menyokong dua kedudukan *lagi* dalam ayat. Bukti itu telah menyokong penggunaan pelajar dan data korpus bahasa Melayu. Kata *lagi* menduduki posisi ajung, maka kehadirannya di antara kata kerja dan kata nama sepatutnya dibenarkan kerana kehadiran ajung tidak menghalang urutan di antara kata kerja transitif dengan objeknya iaitu kata nama.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan GUP yang berkod: UKM-GUP-TKS-08-07-294

Rujukan

Abdullah Hassan. 1974. *The morphology of Malay.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1982. *Nahu Melayu mutakhir.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arbak Othman. 1981. *Tatabahasa bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Chomsky, N. 1982. *Lectures on government and binding-the PISA lectures*. Dordrecht-Holland: Foris Publication.

Jeniri Amir. 2009. *Bahasa negara dan bangsa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. 2005. Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. 1978. *Bahasa Malaysia syntax: Some aspects of its standardisation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2003. Penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar Melayu dalam arus globalisasi. Laporan Akhir Penyelidikan Arus Perdana II Kumpulan 7. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.